



UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

GARIS PANDUAN MENDEPOSIT CCC	P6
	OSC 3.0

BIL	SEMAKAN BORANG G1 – 3 , G4 – 12 , G13 - G21 DAN BORANG F
1	<p>Maklumat yang perlu diisi di dalam Borang G 1-G21</p> <ul style="list-style-type: none">Tajuk projek, no Plot/PT/lot dan nama tetuan sama dengan Kelulusan Pelan Bangunan Jabatan Bangunan MPM.JIKA BERKAITAN - Ruangan para 1 pada borang G di isi lengkap dengan no pelan kelulusan, nama perseorangan, no pendaftaran badan berkenaan, no kad pengenalan kontraktor jika tidak berdaftar, tarikh dan tandatangan (beserta dengan COP wajib bagi PSP sahaja dan kontraktor jika ada) jika berkaitan dengan para 1 tersebut. Salinan Kad Pengenalan hendaklah disertakan bagi kontraktor yang tidak berdaftar dengan badan berkenaan. Kosongkan jika para 1 tidak berkaitan.JIKA TIDAK BERKAITAN -PSP hendaklah tandatangan di para 2 sahaja jika tidak berkaitan dengan para 1 di dalam borang G.PSP perlu keipilkan bersama surat Kelulusan/Sokongan CCC Agensi Teknikal/Kerajaan yang telah diperakukan sah oleh PSP (seperti MPM, IWK, Jab Bomba, LAP, TNB, JKR & JPS)4 salinan Borang G (1 salinan Tandatangan Asli PSP dan Kontraktor dan 3 salinan fotocopy yang perlu disahkan/diperakukan salinan adalah betul oleh PSP.Semua Maklumat di dalam Borang <i>MESTILAH DITAIP DENGAN EJAAN YANG BETUL.</i>
2	<p>Borang F</p> <ul style="list-style-type: none">Nama dan alamat pemilik bangunan, no lot, seksyen, jalan, nama taman, no pelan yang diluluskan, tarikh lulus pelan mengikut kelulusan pelan yang diluluskan oleh Jabatan Bangunan MPM, maklumat PSP (nama, alamat, no pendaftaran, tandatangan dan COP di isi dengan lengkap.Ruangan Tarikh CCC dikeluarkan mestilah di isi selepas dokumen disemak lengkap oleh Unit OSC MPM dan tiada sebarang laporan ketidakpatuhan CCC dan tindakan Kompaun.Ruangan salinan Pihak Berkuasa Tempatan di isi dengan nama Majlis Perbandaran Manjung.4 salinan Borang F (setiap borang F perlu dilampirkan dengan sesalinan borang G1- G21 dan perlu dibuku /comb binding/atau sebagainyaPASTIKAN SEMUA MAKLUMAT DI DALAM BORANG F BETUL DAN HENDAKLAH DITAIP DENGAN EJAAN YANG BETUL (TULISAN TANGAN TIDAK AKAN DITERIMA)

Nota: PSP adalah bertanggungjawab memastikan dokumen yang dikemukakan adalah benar mengikut Undang-Undang yang telah ditetapkan dan jika didapati pengishtiharaan, perakuan atau representasi Palsu, Pinda atau Lencong apa apa borang yang ditetapkan dalam mana –mana Undang-Undang Kecil yang dibuat dibawah Akta, tindakan tegas akan diambil dibawah Sub Seksyen 70(27) Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133)